



Memo

LEMBAGA GETAH MA LAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/C/05/07
Tarikh : 10 Julai 2017

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 14 TAHUN 2017

KEMUDAHAN BIASISWA BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH LANJUTAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM DAN LUAR NEGARA UNTUK ANGGOTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Getah Malaysia menawarkan kemudahan berasrama bagi anggota Kumpulan Pengurusan & Profesional untuk mengikuti pengajian tinggi dalam dan luar Negara di peringkat Ijazah Lanjutan (Sarjana dan PhD) bagi tahun 2017 dan 2018.
3. Kemudahan tajaan berasrama yang ditawarkan bagi pegawai melanjutkan pengajian secara sepenuh masa adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan kriteria kelayakan yang ditetapkan seperti di Lampiran A.
4. Bagi pegawai yang berminat, sila lengkapkan maklumat cadangan di dalam format yang telah disediakan seperti di Lampiran B dan tarikh akhir mengemukakan maklumbalas kepada UPSM adalah selewat-lewatnya pada 31 Julai 2017.

Sekian, harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”


(NURUL HUDA BT ABDUL HAMID)
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

LAMPIRAN A

SKIM CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA (CBBPDB) BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

PRINSIP PEMBERIAN CBBPDB

1. CBBPDB merupakan kemudahan yang disediakan kepada anggota kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) LGM untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus secara sepenuh masa di institusi pengajian dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
2. CBBPDB ini dibерikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.
3. Pegawai layak mendapat kemudahan CBBPDB maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.
4. Kemudahan CBBPDB yang disediakan adalah bukan hak Pegawai dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

SYARAT-SYARAT PEMBERIAN CBBPDB

5. Pegawai yang memohon CBBPDB hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Berkhidmat secara tetap
 - ii. telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - iii. telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
 - iv. mempunyai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Gred A dengan purata markah minimum 85% bagi tempoh sekurang-kurangnya genap tiga (3) tahun kalender berturut-turut;
 - v. mendapat sokongan dan perakuan Ketua Jabatan;
 - vi. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 44 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (PhD) untuk Kursus Jangka Panjang pada tarikh memulakan pengajian;
 - vii. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk kursus Jangka Sederhana pada tarikh memulakan pengajian;
 - viii. telah mendapat tempat di universiti / institusi pengajian yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Bagi tempat pengajian di luar negara, universiti yang dipilih hendaklah mempunyai ranking tertinggi di dalam bidang pengajian yang dipilih atau bidang tersebut adalah sukar didapati di mana-mana tempat pengajian di dalam negara;

- ix. mengikuti kursus yang relevan dengan keperluan LGM dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia;
- x. Belum memiliki kelayakan di peringkat pengajian yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- xi. bersih daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib serta bebas daripada dakwaan mahkamah; dan
- xii. telah mengisyiharkan harta.

LAMPIRAN B



JENIS CUTI BELAJAR : CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA LGM

A. MAKLUMAT DIRI PEMOHON

1. Nama Penuh :
2. No Kad Pengenalan :
3. Tarikh Lahir :
4. No. Telefon Bimbit :

B. MAKLUMAT PENGAJIAN

1. Peringkat Pengajian : Master PHD
2. Bidang Pengajian :
3. Skop Penyelidikan :
4. Universiti Pilihan :
 1.
 2.
 3.
5. Mod Pengajian : Separuh Masa / Sepenuh Masa